

Jaminan Dr. M pada pelajar2 lepasan sekolah vokasional

U.M. 20 AGO 1978

TIMBALAN Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa Kementerian Pelajaran akan mendedahkan kerjasama dari pihak perusahaan swasta supaya mengambill mereka yang tamat dari sekolah menengah vokasional bekerja mengikut kelayakan yang ada.

Kementerian Pelajaran juga akan mengkaji dari masa ke semasa kesesuaian kurikulum sekolah-sekolah vokasional serta melatih lebih ramai guru untuk bertugas di sekolah-sekolah tersebut.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran memberitahu para lulusan sekolah-sekolah vokasional bahawa masa adalah perlu sebelum mereka dapat bekerja setelah tamat dari sekolah itu.

"Janganlah kita terus kecam kelulusan kita sebagai tidak berguna kerana kita tidak dapat kerja serta-merta. Mereka yang tidak ada kelulusan ini terpaksa tunggu lebih lama dan tidak akan dapat kerja sebaik yang kita dapat", katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa merasmikan bangunan sekolah serta penyampaian hadiah Sekolah Menengah Vokasional, Jalan Genting, Setapak di sini pagi ini.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu majlis itu dengan bertambahnya tugas beliau terutama pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga, beliau tidak dapat lagi menghadiri majlis-majlis pembukaan seperti itu di masa-masa hadapan. Ini tidak bermakna beliau tidak menghargai kerajinan terhadap dirinya atau betapa pentingnya acara itu.

KUALA LUMPUR 16 OGOS

"Yang sebenarnya ialah saya terpaksa pilih antara perayaan dengan kerja yang penting. Dalam hal ini saya percaya tentu kita menghargai kerja lebih dari perayaan. Saya berharap pihak-pihak yang berkenaan tidak akan merasa kecil hati kerana saya tidak dapat memenuhi jemputan", katanya.

Dr. Mahathir juga menarik perhatian setengah-setengah ibubapa yang masih kurang jelas tentang tujuan sekolah menengah vokasional di negeri ini.

Ini kerana beliau mendapati ada murid-murid dari sekolah-sekolah menengah yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

"Sebenarnya sekolah ini tidak bertujuan untuk menyediakan murid-murid bagi menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seperti di maktab atau universiti. Tujuan utamanya ialah untuk menyediakan asas ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk sesuatu jenis pekerjaan", tambahnya.

Berdasarkan keadaan ini, beliau mengingatkan bahawa jika ada murid-murid yang ini belajar lebih tinggi, mereka tidak akan berjaya jika mereka memasuki sekolah menengah vokasional.

"Inilah juga menjadi salah satu punca kegagalan murid-murid yang memasuki sekolah vokasional oleh kerana mereka salah faham

tentang tujuannya dan mendapati pelajaran di sini tidak sesuai bagi mereka", katanya.

Sikap

Dr. Mahathir berharap murid-murid yang bersikap demikian akan dapat menukar sikap itu dengan segera dan mereka yang bercadang memasuki sekolah ini pada masa depan janganlah membuat permohonan kerana semata-mata hendak menyambung pelajaran ke peringkat maktab dan universiti atau bertujuan mahu menyambung pelajaran ke peringkat menengah atas selama dua tahun lagi selepas peringkat SRP atau LCE.

Beliau memberitahu Kementerian Pelajaran membina sembilan buah lagi sekolah menengah vokasional di Semenanjung Malaysia dalam masa lima tahun akan datang menjadikan 30 buah semuanya pada akhir RMT pada tahun 1980.

Menurutnya, dalam masa lima tahun akan datang Kementerian Pelajaran akan membelanjakan wang sebanyak \$41.5 juta untuk projek pembangunan bagi teknik dan vokasional di seluruh Malaysia.

Mengenai pendidikan rohaniah kepada para belia, beliau berkata ini adalah penting kerana kekayaan kebendaan semata-mata tanpa akhlak dan budi pekerti tidak akan menjamin ujudnya sebuah masyarakat yang utuh.

Kekayaan wang ringgit tidak akan bererti kepada seorang bapa jika anaknya terikat dengan kebudayaan hippy dan mengamalkan penghisapan dadah serta berbagai amalan yang boleh meruntuhkan akhlak dan keharmonian masyarakat.

"Kementerian Pelajaran memandang berat tentang gejala-gejala yang boleh menjejaskan segala usaha pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan", katanya.